

**LAWATAN MEMANTAU SITUASI WABAK
SERANGAN ULAT RATUS FALL/ FALL
ARMYWARM (FAW) DAN PENAMBAHAN
KAWASAN DI TAPAK-TAPAK SYARIKAT YANG
BARU YANG DITAWARKAN
OLEH
ROMBONGAN YANG BERHORMAT MENTERI
SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN KE LADANG-LADANG
DAERAH BRUNEI MUARA**

PADA: 15 HB APRIL 2020

**DISEDIAKAN OLEH
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

15 APRIL 2020

LAPORAN LAWATAN KERJA

1. **NAMA JABATAN :** Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
2. **TARIKH LAWATAN :** 22hb Syaaban 1441 bersamaan dengan 15hb April 2020
3. **ROMBONGAN LAWATAN:**
 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Hj Ali bin Apong, Menteri KSSUP
 - Yang Mulia Dayang Hjh Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Timbalan Setiausaha Tetap, KSSUP
 - Yang Mulia Dayang Hjh Masliana Yuliah binti Abdullah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan
 - Pegawai-pegawai daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
4. **KAWASAN-KAWASAN /TAPAK-TAPAK PROJEK YANG DI LAWATI:**
 - Syarikat Hj Zainal Agriculture Farm, KKP Batumpu di Daerah Brunei Muara, Lot 12, 19, 20, 21, 14
 - Syarikat Ya Ross Company, KKP Batumpu Daerah di Brunei Muara, Lot 26
 - Perusahaan Hjh Satinah Dan Anak-Anak, KKP Batumpu Daerah di Brunei Muara, Lot 39
 - Abd Salam Enterprise, KKP Batumpu Daerah di Brunei Muara, Lot 79
5. Tujuan lawatan :
 - Memantau status wabak serangan Ulat Ratus Fall/ *Fall Armyworm* (FAW) yang telah menyerang tanaman jagung.
 - Memberi penerangan ringkas kepada peladang mengenai tanda-tanda serangan FAW dan kesan akibat serangannya
 - Memberikan penerangan tatacara penghapusan tanaman yang diserang dan kepentingan mengenai penghapusan tanaman berkenaan
 - Melawat perkembangan penambahan kawasan di tapak-tapak syarikat yang baru yang ditawarkan bagi Syarikat Abd Salam Enterprise dan Hj Zainal Agriculture Farm di Lot 12, 14, 19, 20 dan 21
6. KETERANGAN RINGKAS MENGENAI KAWASAN-KAWASAN /TAPAK-TAPAK YANG DI LAWATI:

6.1 Syarikat Hj Zainal Agriculture Farm

Latarbelakang

- **Ladang Syarikat Hj Zainal Agriculture Farm** diuruskan oleh Haji Zainal bin Haji Safar yang bergiat sejak tahun 1997 dalam penanaman sayur dan buah. Keluasan ladang beliau adalah 8 hektar bertempat di Lot 12, 19, 20, 21 dan 14 di KKP Batumpu, Daerah Brunei Muara.



Gambar 1: Yang Berhormat Menteri serta rombongan lawatan melawat Ladang Syarikat Hj Zainal Agriculture Farm, KKP Batumpu di Daerah Brunei Muara

6.2 Syarikat Syarikat Ya Ross

Latarbelakang

Syarikat Ya Ross Company diuruskan oleh Hj Ranli Bin Hj Maidin yang bergiat sejak tahun 1998 dalam penanaman sayur-sayuran. Keluasan ladang beliau adalah 2 hektar bertempat di Lot 26 di KKP Batumpu, Daerah Brunei Muara.



Gambar 2: Yang Berhormat Menteri serta rombongan lawatan melawat Ladang Syarikat Ya Ross Lot 26, KKP Batumpu di Daerah Brunei Muara

6.3 Perusahaan Hjh Satinah Dan Anak-Anak

Latarbelakang

Ladang Syarikat Perusahaan Hjh Satinah Dan Anak-Anak yang bergiat sejak tahun 1997 dalam penanaman sayur pelbagai jenis buah pisang dan pelbagai tanaman. Keluasan ladang beliau adalah 2 hektar bertempat di Lot 39 di KKP Batumpu, Daerah Brunei Muara





Gambar 3: Yang Berhormat Menteri serta rombongan lawatan melawat Ladang Syarikat Perusahaan Hjh Satinah Dan Anak-Anak Lot 39, KKP Batumpu di Daerah Brunei Muara

6.4 Syarikat Abd Salam Enterprise

Latarbelakang

Syarikat Abd Salam Enterprise diuruskan oleh Mohammad Hardy Radzimmy Bin Haji Abd Salam yang bergiat sejak tahun 1997 dalam penanaman sayur-sayuran. Keluasan ladang beliau adalah 2 hektar bertempat di Lot 79 di KKP Batumpu, Daerah Brunei Muara





Gambar 4: Yang Berhormat Menteri serta rombongan lawatan melawat Ladang Syarikat Abd Salam Enterprise Lot 79, KKP Batumpu di Daerah Brunei Muara.